



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

DITERBITKAN  
SEJAK  
2002

# BERITA

GERBANG INOVASI | KUALITI | PRODUKTIVITI

SUKU TAHUN (3/2019)



## INOVASI DALAM ORGANISASI PEMANGKIN KECERMERLANGAN SEKTOR AWAM

Setiap organisasi harus sentiasa berubah mengikut keadaan semasa. Jika sesebuah organisasi masih berada di takuk lama tanpa ada sebarang perubahan ke arah kecemerlangan nescaya sesebuah organisasi itu akan tewas untuk bersaing dengan organisasi pesaingnya. Justeru itu, inovasi berterusan diperlukan dalam mempelbagaikan dimensi bukan hanya mencakupi prosedur kerja tetapi juga inovasi dalam cara berfikir, bertindak dan sanggup berubah supaya terus relevan dan selari dengan keperluan semasa. Salah satu inovasi yang ditekankan adalah menerusi tadbir urus dalam sektor awam dan sektor swasta. Sehubungan itu, inovasi atau pembaharuan adalah satu ciri penting dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan terutama kepada pelanggan sentiasa berada pada tahap cemerlang dan dalam masa yang sama memenuhi kepuasan pengguna.



## BULAN OKTOBER BULAN INOVASI

MAJLIS PERBANDARAN TAIPING



Majlis Perbandaran Taiping



05-8080777



mpt@mptaiping.gov.my



Bahkan usaha menjadikan elemen inovasi sebagai pemangkin kecemerlangan perkhidmatan perlulah diterapkan kepada semua kakitangan di pelbagai peringkat bermula daripada pengurusan tertinggi hinggalah kepada kumpulan sokongan. Namun harus diingat bahawa melakukan inovasi tidaklah semudah yang disangka. Pelaksanaan inovasi menuntut warga kerja organisasi, untuk berfikir lebih terbuka, tidak jumud dan sentiasa dinamik, dalam memperluaskan diri dengan ilmu pengetahuan yang diperlukan, untuk melakukan pembaharuan. Kegagalan untuk bergerak cepat bersama perubahan ini akan menutup peluang besar yang menyebabkan kakitangan awam akan ketinggalan jauh.

### BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP)

Pada 4 hingga 6 September 2019 yang lalu, MPT telah mengadakan satu program iaitu Bengkel Pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP), bertempat di Bayview Hotel Pulau Pinang. Bengkel ini telah dihadiri oleh Yang Dipertua MPT, Setiausaha Perbandaran dan 35 orang pegawai serta kakitangan Majlis Perbandaran Taiping.





# Total Quality Management



## LAWATAN KERJA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Pada 1 Oktober 2019 yang lalu, delegasi dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada 26 orang pegawai kanan, pegawai - pegawai serta wakil korporat telah mengadakan lawatan rasmi ke Taiping sebagai rujukan dalam misi menggerakkan Kempen Pulau Pinang Bersih 2020. Lawatan ini turut dihadiri oleh YB Dr. Afif bin Bahardin, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar



dan Kesihatan Pulau Pinang. Lawatan ini telah dianggap sebagai pembuka laluan untuk hubungan dua hala yang boleh membawa manfaat kepada kedua-dua belah pihak dan seterusnya memberi impak yang positif kepada masa depan Taiping dalam mengharungi cabaran yang mendatang sebagai bandar yang maju.



## TPO Best Awards 2019 Best Public Relations Campaign

Buat kali ketiga dalam tempoh empat tahun, Taiping sekali lagi menerima anugerah dari Tourism Promotion Organization (TPO) dalam Majlis Makan Malam sempena The 9th TPO General Assembly yang berlangsung di Hotel Paradise, Busan pada 27 September 2019 di Bandaraya Busan Korea. Anugerah ini adalah bagi kategori Best of Public Relation Campaign 2019. Taiping juga pernah menerima anugerah dari TPO bagi kategori Best of Destination Manager (tahun 2016) dan Best of Promotion CD (tahun 2018).



## AUDIT DALAMAN ISO 9001 : 2015 MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

Pada 28 Ogos hingga 18 September 2019 yang lalu, Jawatankuasa Audit Dalaman MPT telah mengadakan Audit Dalaman ISO 9001 : 2015 bagi sesi pengauditan awal semua prosedur-prosedur di jabatan/bahagian di MPT. Audit ini bertujuan untuk mengenal pasti semua peluang-peluang dan penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi memastikan setiap tugas di jabatan/bahagian dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.